

SYIAH IMAMIYYAH ITHNA ‘ASHARIYYAH: AWAL KEMASUKAN DAN PROSES PENYEBARANNYA DI MALAYSIA

(Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah: The Beginning of Its Entry and its
Spreading Process in Malaysia)

MOHD AIZAM MAS’OD*
MOHD FAUZI HAMAT

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sejak sekian lama. Namun begitu, sejak tahun 80-an, berlaku kemasukan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah yang menggugat kedudukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebagai anutan arus perdana. Makalah ini membahaskan bagaimana proses penyebaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah berlaku, di samping mengkaji bila dan bagaimana ajaran Syiah buat kali pertama sampai ke Malaysia. Fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah telah tersebar di Malaysia menjelang tahun 80-an selepas berlaku Revolusi Iran pada tahun 1979. Kemasukan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ke Malaysia juga serentak dengan kemasukannya ke beberapa negara Nusantara yang lain. Ini menjadi bukti bahawa Revolusi Iran 1979 memiliki pengaruh yang besar dalam penyebaran Syiah di rantau Asia Tenggara. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini berteraskan dua kaedah pengkajian iaitu kaedah pengumpulan data dan analisis data. Dalam proses mengumpulkan data, penulis menggunakan metode historis bagi mengumpulkan data-data yang mempunyai nilai sejarah. Kaedah induktif digunakan dalam proses analisis data untuk menjana atau mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Kajian mendapati proses penyebaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah kepada

*Corresponding author: Mohd Aizam Mas'od, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, mel-e: abuhaseef@live.com
Diserahkan: 31 Januari 2018
Diterima: 20 April 2018
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2018-1002-06>

masyarakat Melayu berlaku dengan pelbagai cara. Ia memberikan sama ada kesan langsung atau tidak langsung terhadap penularan fahaman Syiah di Malaysia.

Kata kunci: Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah; Revolusi Iran 1979; kemasukan awal; proses penyebaran; Malaysia

ABSTRACT

Malaysia is a country that practices the flow of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah for a long time ago. However, since the 80's, there was a spread of Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah that impeded the position of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah as the mainstream. This article debates how the Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah's dissemination process takes place, as well as to study when and how the Syiah teachings for the first time reach Malaysia. The belief of Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah has been spread in Malaysia by the 80s after the Iranian revolution in 1979. The coming of Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah to Malaysia is also coincides with its entry to a number of countries in the Malay Archipelago. This is evidence that the Iranian revolution of 1979 had a major influence in the spread of Syiah in Southeast Asia. Using a qualitative approach, this study is based on two methods of assessment, namely data collection and data analysis. Historical methods are used in the process of collecting data to collect data that has historical value. In the process of data analysis, inductive methods are used to generate or collect information continuously to clarify the problems studied. The study found that the dissemination of Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah to the Malay community occurred through a variety of ways. It gives either direct or indirect impact on the spread of Syiah beliefs in Malaysia.

Keywords: Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah; Iranian Revolution of 1979; early entry; spreading process; Malaysia

PENDAHULUAN

Malaysia adalah negara Islam yang secara rasmi berpegang dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah menurut kefahaman Mazhab Syafii dalam fikah dan Mazhab Ashā‘irah-Māturīdiyyah dalam akidah. Pegangan ini telah dianut oleh bangsa Melayu sejak turun-temurun. Pada hari ini ia telah menjadi dasar beragama pihak kerajaan sama ada di peringkat negeri ataupun negara dalam rangka memelihara kesucian akidah dan perpaduan umat Islam. Ia sebagaimana yang ditegaskan oleh Uthman el-Muhammady, anutan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang menjadi tradisi di Malaysia adalah merujuk kepada pengikut mazhab fikah Shāfi‘iyyah dan

berakidah Ashā'irah. Manakala dari segi akhlak atau rohaniahnya dipengaruhi oleh pandangan Imam al-Ghazālī (Uthman 1995).

Kenyataan ini berasaskan realiti yang berlaku sekurang-kurangnya bermula pada abad ke-17 Masihi. Ketika zaman keagungan Aceh, aliran *'Ilm al-Kalam* dalam pengajian akidah berdasarkan fahaman Ashā'irah mahupun Māturīdiyyah berkembang dengan begitu pesat. Antara tokoh yang mempeloporinya ialah Bukhārī al-Jawharī pengarang kitab *Tāj al-Salāṭīn* yang membahaskan tentang mengenal diri dan Tuhan sebagaimana yang terkandung dalam ajaran Imam al-Ghazālī (Bukhārī al-Jawharī 1966). Kitab ini bukan sahaja dianggap sebagai kitab pertama yang menonjolkan fahaman Ashā'irah menurut tafsiran Imam al-Ghazālī bahkan mungkin merupakan kitab pertama dalam Bahasa Melayu yang diketahui nama penyusunnya.

Selain itu, terdapat dua orang ulama besar yang membahaskan persoalan akidah di Alam Melayu, iaitu Nūr al-Dīn al-Rānirī dan 'Abd al-Ra'ūf Fanṣūrī. Mengenai Nūr al-Dīn, beliau membincangkan fahaman Māturīdiyyah yang bermazhab Ḥanafī dengan menterjemahkan kitab *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasaḥiyyah* oleh Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī dan diberi judul *Durrah al-Farā'id bi Sharḥ al-'Aqā'id* (Syed Naquib al-Attas 1988). Pengaruh ajaran Māturīdiyyah juga dapat dilihat dalam karya Nūr al-Dīn al-Rānirī yang berjudul *Hidāyah al-Imām* yang membincangkan masalah zat, sifat dan perbuatan Allah SWT serta kebenaran rasul dan rukun Islam yang lima (Mohd Nor Ngah 1983). Manakala 'Abd al-Ra'ūf Fanṣūrī yang juga dikenali dengan nama 'Abd al-Rā'uf Singkil mengupas ilmu akidah yang terkandung dalam kitab tasawufnya berjudul *'Umdah al-Muḥtājīn* yang dianggap sebagai ulama pertama mengajarkan Sifat Dua Puluh. Beliau mengupas sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT (Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali 1994).

Pada abad ke-18, Muḥammad Zayn Faqīh Jalāl al-Dīn al-Ashī telah menterjemahkan serta mengubah suai kitab yang bertajuk *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanūsī yang membahas tentang ajaran Sifat Dua Puluh kemudiannya diberi tajuk *Bidāyah al-Hidāyah* (al-Ashī t.th). Selepas itu muncul beberapa buah kitab tentang akidah yang berasaskan kitab *Umm al-Barāhīn* tersebut seperti *Zuhrah al-Murīd fī Bayān Kalimah al-Tawḥīd* oleh 'Abd al-Ṣamad al-Falimbānī (Wan Mohd Saghir Abdullah 1982) dan *Zari'ah al-Yaqīn* oleh Nawawī al-Bantanī (Hurgronje 1970). Pada abad ke-19, kitab akidah yang membahaskan tentang ajaran Sifat Dua Puluh semakin bertambah. Antara yang terpenting adalah *Ini Kitab Sifat Dua Puluh* oleh Sayyid 'Uthmān bin Yaḥyā al-Betawī (t.th). Begitu juga kitab bertajuk *Sirāj al-Hudā* susunan Muhammad Zayn al-Din bin Muḥammad Badawī al-Sambawī dan kitab *'Aqīdah al-Nājīn* karangan Zayn al-'Ābidīn Muḥammad al-Faṭānī (Omar 1972).

Pada abad ke-20, lahir seorang alim yang produktif dalam bidang penulisan iaitu Shaykh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Kitab beliau yang terkenal antaranya adalah *al-Durr al-Thamīn* dan *Sifat Dua Puluh*. Di Kelantan terdapat tokoh yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal turut membahaskan masalah Sifat Dua Puluh dalam kitabnya yang bertajuk *Bi Kifāyah al-'Awwām*. Di Kedah pula terdapat seorang ulama daripada keturunan Muhammad Arshad al-Banjari iaitu Muḥammad Tayb bin Mas'ūd al-Banjari yang membahaskan ajaran Sifat Dua Puluh dalam kitabnya bertajuk *Miftāḥ al-Jannah* (Nik Abdul Aziz Nik Hassan 1983).

Berdasarkan penerangan di atas, jelas menunjukkan umat Melayu Islam di Tanah Melayu telah turun-temurun menganut fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah berteraskan Asha'irah atau Maturidiyyah dalam berakidah. Aliran ini jelas terbukti menjadi anutan yang sangat kukuh dan konsisten dalam masyarakat Melayu Islam sejak zaman berzaman. Oleh yang demikian, ramai sarjana yang berpandangan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan aliran pertama yang menjadi pegangan penduduk Nusantara termasuk umat Islam di Malaysia sejak zaman berzaman. Malah, masyarakat Islam di Malaysia boleh dikatakan kuat berpegang dengan aliran tempatan sedia ada. Mereka bukan sahaja tidak mengenali aliran lain seperti Syiah, bahkan mana-mana ajaran atau amalan agama yang dilihat bertentangan dengan tradisi yang diamalkan juga akan dianggap sebagai suatu kesalahan walaupun sesuatu amalan itu mungkin menjadi pegangan dalam kalangan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang lain.

Sudah menjadi tradisi di Malaysia, jika sesuatu amalan atau ajaran itu berbeza dengan kerangka Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah khususnya Mazhab Shafii, ia sudah tentu akan ditolak oleh masyarakat tempatan. Namun demikian, Revolusi Iran pimpinan Ayatullah Khomeini yang tercetus pada tahun 1979 dilihat mendapat reaksi yang agak berbeza daripada masyarakat Islam di Malaysia pada peringkat awal kemasukannya. Isu penubuhan negara Islam yang ideal dan keadilan sosial yang diperjuangkan oleh Khomeini seolah-olah mengelabui mata sebahagian umat Islam di negara ini daripada melihat latar belakang agama yang menjadi anutan Khomeini dan Iran. Kerana itu, revolusi yang dikenali sebagai Revolusi Islam yang berlatarbelakangkan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ini menjadi faktor utama penyebaran fahaman Syiah dalam kalangan masyarakat Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Malaysia. Ini boleh dibuktikan dengan melihat kemasukan fahaman Syiah ke beberapa negara Nusantara yang lain juga berlaku pada awal tahun 80-an iaitu selepas era Revolusi Iran 1979 (Sulaiman 1996).

Justeru, dalam makalah ini penulis akan meneliti sejarah awal kemasukan aliran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ke Malaysia. Seterusnya mengkaji proses

penyebaran aliran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah menerusi pelbagai medium dan kaedah sehingga diterima oleh sebahagian masyarakat Islam di Malaysia.

Sebelum kemasukan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ke Malaysia, rekod Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menunjukkan bahawa terdapat dua kumpulan Syiah yang lebih awal wujud di Malaysia iaitu kumpulan Syiah Dawoodi Bohra dan Syiah Ismā‘iliyyah Agha Khan. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010). Kedua-dua kumpulan tersebut berasal daripada Syiah Ismā‘iliyyah iaitu kumpulan batiniyyah yang disandarkan kepada Isma‘il bin Ja‘far al-Sadiq (al-Nadwah al-‘Ālamiyyah 1420H). Syiah Dawoodi Bohra merupakan pecahan Syiah Ismā‘iliyyah Musta‘liyyah. Mereka mengiktiraf al-Musta‘lī, pengganti selepasnya iaitu al-Amīr, kemudian anaknya iaitu al-Ṭayyib. Dengan demikian mereka digelar juga al-Ṭayyibiyah. Golongan ini bertebaran di India dan Yaman. Mereka meninggalkan bidang politik untuk menumpukan sepenuh masa kepada perniagaan. Mereka bercampur gaul dengan penganut Hindu yang kemudiannya memeluk Islam dan dikenali sebagai *buhrah*. *Buhrah* dalam bahasa India kuno bererti peniaga (al-Nadwah al-‘Ālamiyyah 1420H).

Dari situ lahirnya kumpulan Buhrah Dawūdiyyah (Dawoodi Bohra). Ia merupakan sandaran kepada Qutb Shah Dawūd. Ia tersebar di India dan Pakistan sejak kurun ke sepuluh dan para pendakwahnya menetap di Bombay (al-Nadwah al-‘Ālamiyyah 1420H). Di Malaysia, kumpulan ini dikenali dengan golongan yang memiliki Kedai Bombay. Kumpulan yang berpusat di daerah Klang ini mempunyai tanah perkuburan dan masjidnya sendiri. Pengikutnya dianggarkan lebih kurang 200 hingga 400 orang (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2010). Syiah Dawoodi Bohra dikatakan telah wujud di Malaysia sejak kurun ke-19. Mereka dikatakan berhijrah ke Singapura untuk menjalankan aktiviti perdagangan (Ali 2008).

Syiah Ismā‘iliyyah Agha Khan juga adalah pecahan daripada Syiah Ismā‘iliyyah. Kumpulan ini muncul di Iran pada awal kurun ke 19 Masihi. Kumpulan Syiah Agha Khan tersebar dan terdapat di Nairobi, Darussalam, Zimbabwe, Moghadisu, Kongo, Belgium, India, Pakistan, Syria dan pusat utama kepimpinannya ialah di Karachi (al-Nadwah al-‘Ālamiyyah, 1420H). Di Malaysia, kumpulan ini terdapat di Lembah Klang daripada kalangan pemilik kedai Peerbhai. Fakta sejarah mengatakan seramai 12 juta penganut Syiah Ismā‘iliyyah Agha Khan telah tersebar dari Asia Tenggara ke Afrika pada tahun 1893 (Gorman 2012). Kini, Syiah Ismā‘iliyyah Agha Khan tidak lagi menjalankan sebarang bentuk dakyah bagi menarik pengikut sejak kurun ke-18 dan tidak lagi menyebarkan ajaran mereka kecuali dalam lingkungan mereka sendiri yang ketika itu dianggarkan telah pun tersebar di Timur tengah, Asia Tengah dan Asia Selatan (M. Cherry et al. 2014).

Berdasarkan kajian Seksyen Akidah (2011), kedua-dua jenis Syiah ini didapati tidak menjalankan sebarang bentuk dakwah kepada masyarakat Sunni, sebaliknya ia hanya berkembang dalam kalangan kelompok dan generasi baru mereka sendiri. Berdasarkan fakta di tersebut, dapat disimpulkan bahawa Syiah yang tersebar pada hari ini adalah daripada kelompok Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah sahaja. Fahaman ini secara jelas bercanggah dengan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang diamalkan di Malaysia. Sehubungan itu, Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri (sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), menerusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa ajaran Syiah sama ada Syiah Imāmiyyah atau Syiah Zaydiyyah adalah dilarang, sebaliknya umat Islam di Malaysia hendaklah hanya berpegang dengan ajaran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sama ada dari segi akidah, syariah mahupun akhlak (Pusat Penyelidikan Islam 1996). Namun begitu, setelah lebih sedekad ajaran ini diharamkan oleh pihak berkuasa agama, ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah didapati terus berkembang sehingga menimbulkan kebimbangan ia boleh menggugat kedudukan pengamalan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah di Malaysia.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan kerana kajian ini melibatkan unsur-unsur pensejarahan dan analisis kandungan teks (Rohana Yusof 2003). Dalam proses mengumpulkan data, penulis menggunakan metode historis (Imam Barnadib 1982). Metode ini digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Ia bagi mengkaji awal kemasukan Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah ke Malaysia dan proses penyebarannya. Menerusi metode ini, penulis mengumpulkan kertas-kertas laporan, kajian, minit mesyuarat, warta kerajaan, dokumen rasmi dan bahan-bahan perpustakaan lain yang berkaitan. Setelah data-data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul penulis menjalankan proses analisis data untuk mendapatkan kesimpulan atau hasil pengkajian yang komprehensif. Dalam proses analisis data, penulis menggunakan metode induktif. Dalam metode ini, penulis menjana atau mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Penulis seterusnya mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan yang terkumpul untuk membentuk satu gagasan fikiran (Idris Awang 2001). Penulis menggunakan metode ini bagi menghuraikan perkembangan awal Syiah di Malaysia dan proses penyebarannya menerusi pelbagai medium.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian di atas, ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah hanya tersebar ke tengah-tengah masyarakat Sunni di Malaysia selepas Revolusi Iran pada 1979 pimpinan Khomeini. Menurut Pusat Penyelidikan Islam (1995), orang pertama yang dikesan menyebarkan fahaman Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah adalah Mohd Hussien Shah @ Habib, seorang rakyat Malaysia berketurunan Pakistan. Beliau telah mempengaruhi beberapa pemuda tempatan yang berminat mendalami pengetahuan agama Islam mengikuti kelas bimbingannya melalui kitab-kitab yang diterjemahkan sendiri dan buku-buku Syiah yang diperolehi dari Kedutaan Republik Islam Iran (RII) di Kuala Lumpur.

Pada 1983, beberapa buah akhbar berbahasa Melayu melaporkan bahawa seramai 200 orang terlibat dengan ajaran Syiah di Selangor dan sebahagian mereka telah dihantar menyambung pengajian ke Pakistan dan Iran. Pada tahun tersebut juga terdapat sebahagian rakyat Malaysia menghadiri *Mu'tamar al-'Alami li al-Hajj* tajaan Iran di Dhaka, Bangladesh. Pada 1984, seramai 300 orang peserta menghadiri seminar yang sama di Kota Bharu. Gambar Khomeini dan beberapa pemimpin Iran memenuhi ruang lokasi seminar. Pada 1987, seminar tersebut diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur diakhiri dengan dua resolusi penting iaitu; pertama, al-Haramayn mesti ditadbir oleh Badan Islam Antarabangsa di bawah ulama Islam paling berkelayakan; kedua, taat kepada Khomeini adalah penting bagi menjamin kedaulatan Islam dan membela umat Islam yang tertindas. Semua ini dinyatakan dalam Risalah al-Quds yang tersebar pada tahun 1987 (Sulaiman et al. 1996).

Pada masa yang sama, penyebaran Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah juga mula tersebar di tempat lain di Nusantara. Contohnya di Thailand, Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah dilaporkan mula tersebar sejak awal tahun 80-an iaitu sejurus selepas Revolusi Iran. Syiah tersebar di Bangkok dan beberapa daerah di selatan Thailand seperti Yala, Pattani dan Narathiwat. Turut merasai kesan Revolusi Iran adalah Indonesia. Syiah dikatakan tersebar luas di Indonesia pada awal 80-an sehingga berjaya mendirikan beberapa pusat gerakan seperti di Jakarta, Bandung, Tasikmalaya, Pekalongan, Yogyakarta, Surabaya, Bangil, Malang, Jember, Lampung, Palembang, Bengkulu, Padang, Medan, Ujung Padang dan Manado (Sulaiman et al. 1996). Dapat dirumuskan bahawa ajaran Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah hanya mula berkembang di Malaysia selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Ia terbukti apabila negara lain di Nusantara turut mengalami hal yang sama bermula sekitar tahun 80-an.

Terdapat sekurang-kurangnya sembilan faktor yang menjadi pemangkin kepada penyebaran Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah di Malaysia. Iaitu:

1. Penyebaran Syiah menerusi parti politik

Keterujaan parti PAS terhadap kejayaan Revolusi Iran pada 1979 telah banyak mempengaruhi struktur politik parti tersebut. Sebagai contoh, bekas Timbalan Presiden PAS, Mohamad bin Sabu dalam satu pembentangan kertas kerja berjudul “PAS and The Success of the Contemporary Islamic Movement” di Frankfurt University pada 23 Jun 2010, mengakui bahawa dirinya dan segelintir pemimpin dalam Pemuda PAS pada tahun 1980-an telah dipengaruhi oleh pemimpin Revolusi Iran, Ayatullah Khomeini (M. Muller 2014). Antara pengaruh utama Revolusi Iran adalah konsep Kepimpinan Ulama yang terzahir menerusi pewujudan jawatan Murshidul Am pada tahun 1987 (Harakah 1987; Liow 2009; Mohamed Nawab 2006). Sekalipun pada awalnya, pengaruh Iran ke dalam parti PAS hanya berbentuk pengaruh politik, namun begitu kesan sampingan berupa penularan fahaman Syiah dalam kalangan segelintir ahli-ahli PAS tidak boleh disangkal lagi. Contohnya, pada tahun 1995, PAS mengambil tindakan memecat enam orang ahlinya dari kawasan Pasir Salak kerana terlibat dengan fahaman Syiah (Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1995/1996: 9). PAS juga memecat seramai dua belas orang ahlinya dari Gunung Semanggol, Perak kerana terlibat dengan gerakan Syiah pada 1998. (Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999: 13). Ini menunjukkan wujud usaha tertentu menerusi parti politik seperti PAS untuk menyebarkan atau sekurang-kurangnya membawa masuk fahaman Syiah ke tengah-tengah masyarakat Islam Sunni di Malaysia.

2. Penyebaran beberapa karya mengenai Syiah dan Revolusi Iran

Sekalipun pengaruh Revolusi Iran tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan penyebaran fahaman Syiah, namun begitu, Revolusi Iran telah menjadi pemangkin kepada penyebaran Syiah ke negara sunni di seluruh dunia. Ia berdasarkan tekad Khomeini yang bercita-cita tinggi untuk mengeksport gerakan revolusi tersebut ke luar negara (al-Taskhiri 1993). Menerusi agenda pengeksporan Revolusi Iran, ia memperkukuhkan lagi teori bahawa ajaran Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah dibawa masuk ke Malaysia hanya selepas Revolusi Iran pada tahun 1979. Ini terbukti dengan penyebaran beberapa buku Khomeini dan Syiah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu selepas tahun 1979 iaitu bermula pada tahun 1980 dan ke atas. Antaranya adalah karya Khomeini sendiri iaitu *Pemerintahan Islam* (Khomeini 1983), *Parti Allah* (Khomeini 1983a), *Parti Syaitan dan Jihad Yang Agung* (Khomeini 1983b). Selain daripada itu karya berjudul; *Ahl al-Bayt Dalam al-Quran dan al-Sunnah*, karangan Mu’assasah al-Balagh (1989), *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad*, karangan al-Hasan bin Yūsuf al-Mutahhar al-Hulli

(1993), *Menghidupkan Pemikiran Dalam Islam*, karangan Ayatullah Mutahhari (1983), *Sistem Republik Islam*, karangan Ayatullah Mutahhari (1983a), *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait A.S?*, karangan Muhammad Mara'i al-Amin al-Antaki (1993), *Dialog Sunnah Syiah*, karangan 'Abd al-Husayn Sharaf al-Din al-Musawi (1983), *Akhirnya kutemukan kebenaran*, karangan Muhammad al-Tijani al-Samawi (1991) dan *Pancaran Kekuatan Negara Islam* karangan Ayatullah Baqir Sadr (1983).

3. Peranan pensyarah di pusat pengajian tinggi awam

Penyebaran Syiah pada tahun 80-an turut dipelopori beberapa orang pensyarah di pusat pengajian tinggi awam. Berikutan itu, dua daripada sepuluh aktivis Syiah yang ditahan oleh pihak kerajaan antara tahun 1997 hingga 1999 adalah pensyarah di universiti awam (Seksyen Akidah 2007). Pensyarah yang ditahan adalah Prof. Madya Dr. Lutpi bin Ibrahim. Beliau didapati telah menulis dan menterjemahkan buku-buku Syiah ke dalam Bahasa Melayu seperti *Konsep Imamah dan Khilafah Serta Implikasinya Menurut Ahlus Sunnah Wal Jamaah* (1993). Pensyarah lain yang ditahan adalah Fadzlullah Shuib, beliau telah menterjemahkan beberapa buah kitab karangan tokoh Syiah seperti *Jihad Yang Agung* karangan Khomeini (1983b) dan *Menghidupkan Pemikiran Dalam Dunia Islam* karangan Mutahhari (1983). Selain itu, seorang lagi pensyarah yang juga didapati terlibat dengan fahaman Syiah pada tahun 80-an adalah Dr. Mohd Nor bin Ngah. Beliau adalah pensyarah Akademi Islam, Universiti Malaya. Beliau telah menterjemahkan beberapa karya karangan ulama Syiah, antaranya *Kitab Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar* karangan Khomeini (1993), *Peranan Universiti: Mengikuti Pandangan Imam Khomainsi* karangan Ibrahim al-Amini (1993), *100 Kata-Kata Hikmah Al-Imam Ali Bin Abi Talib* karangan 'Amr bin Bahr al-Jahiz (1991) dan *Gerakan Kebangkitan Islam: Mengikuti pandangan Imam Khomainsi* karangan Muhammad 'Ali Al-Taskhiri (1993).

4. Peranan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

Pertubuhan Islam bukan kerajaan turut terlibat dalam mempopularkan Revolusi Iran. Antara pertubuhan yang menonjol pada peringkat awal revolusi tersebut tercetus adalah Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). PUM (1990) dengan kerjasama Kedutaan Republik Islam Iran di Kuala Lumpur telah menerbitkan buku *Perlembagaan Republik Islam Iran* sedangkan perlembagaan Iran jelas berlatar belakang fahaman Syiah. Antaranya, dalam Perkara 5 perlembagaan tersebut menyebut, ketika ketiadaan al-Imam al-Mahdi, kuasa memimpin dan menguruskan hal ehwal ummah adalah di tangan *faqih* yang adil yang juga dikenali sebagai *al-Wali al-Faqih* (PUM 1990, 16) manakala Perkara 12 menegaskan mazhab rasmi Iran adalah mazhab Ja'fari al-Ithna 'Ashari yang tidak boleh dipinda buat selama-lamanya (PUM 1990, 19).

Sementara itu, ABIM turut memainkan peranan mempopularkan pemikiran Khomeini sehingga menerbitkan terjemahan buku rujukan terpenting penganut Syiah era Revolusi Iran karangan Khomeini (1970) berjudul *al-Hukūmah al-Islamiyyah* (Pemerintahan Islam) pada 1983.

5. Penghantaran para pelajar ke Iran

Penghantaran pelajar Malaysia ke Iran mempunyai kesan yang amat besar terhadap penyebaran ajaran Syiah di Malaysia terutama dalam jangka masa panjang. Pada tahun 1984, enam orang pelajar dari *Madrasah al-Falah*, Melaka telah dihantar ke Qom. Begitu juga beberapa orang pelajar dari *Madrasah Dar al-'Atiq* di Johor Bahru dan *Madrasah Gunung Semanggol*, Perak telah dihantar melanjutkan pengajian di Qom (Che Mat 1994). Menurut Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, sistem pembelajaran di Iran agak berbeza berbanding di negara-negara lain. Kebanyakan pelajar luar yang melanjutkan pelajaran di Iran tidak sempat menghabiskan pengajian mereka kerana masalah bahasa serta dasar pendidikan Iran yang mengutamakan para pelajar tempatan berbanding pelajar luar termasuk Malaysia. Namun begitu, sesetengah pelajar sanggup mengulang tahun semata-mata untuk mendalami aliran Syiah dan pelajar-pelajar ini akan terus dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Iran. Buku teks serta buku-buku pembelajaran mereka di kolej dan universiti ialah beberapa kitab Syiah yang terkenal seperti *Usūl al-Kāfī*, iaitu kitab yang mengandungi hadis Syiah dan beberapa buku yang memuatkan pemikiran Khomeini. Antara pusat pengajian yang terkenal yang menempatkan para penuntut Malaysia Universiti Mufid, Universiti Al-Zahra, Universiti Qom, Madrasah Imam Khumayni dan Madrasah Hujjatiyyah. Jakim mendapati sebahagian daripada bekas pelajar tersebut aktif dalam menyebarkan ajaran Syiah di Malaysia sekembali mereka ke tanah air (Seksyen Akidah 2011). Walau bagaimanapun, pemergian mereka ke Iran tanpa mengikut proses permohonan pengajian ke luar negara di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi atau pihak kerajaan menyebabkan pemantauan sukar dilakukan. Oleh itu, beberapa nota diplomatik dihantar kerajaan Malaysia kepada kerajaan Iran agar tidak menyebarkan ajaran Syiah di Malaysia dan tidak menaja para pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teologi di Iran (Seksyen Akidah 2013).

6. Perkahwinan mut'ah dan fatwa menarik mengenai seks

Penyebaran fatwa tentang keharusan nikah mut'ah menjadi daya tarikan yang cukup berkesan bagi menyebarkan fahaman Syiah terutamanya dalam kalangan golongan muda. Pada peringkat awal penyebaran Syiah di institut pengajian tinggi, terdapat kes pelajar yang berdua-duaan diugut supaya melakukan nikah mut'ah bagi mengelakkan dosa. Ada juga kenyataan penganut Syiah yang

mengatakan boleh bersekedudukan dengan pelacur menerusi nikah mut'ah dalam tempoh tertentu (Pusat Penyelidikan Islam 1996). Dalam kes lain, seorang wanita membuat pengakuan kepada wartawan sebuah majalah bahawa beliau pernah melakukan nikah mut'ah dengan seorang pensyarah pengajian Islam dengan alasan sekadar memudahkan pergaulan antara mereka. Namun begitu, lama kelamaan pensyarah tersebut menuntut untuk melakukan hubungan seks kerana menganggap ia halal sebagai suami isteri (Ermanelly & Heriza 1996). Faisal Tehrani pula dalam karyanya, *Perempuan Nan Bercinta* mempromosikan nikah mut'ah secara tidak langsung dengan mengemukakan alasan yang sama (Faisal Tehrani 2012).

7. Dakwaan bahawa Syiah sebagai sebuah mazhab Islam yang sah
Ketika permulaan ajaran Syiah dikenali, institusi agama di Malaysia mengambil pendekatannya merupakan salah satu mazhab Islam di Timur Tengah. Kesan daripada kefahaman tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pernah memutuskan bahawa selain mazhab empat, hanya Mazhab Syiah daripada golongan Zaydiyyah dan Ja'fariyyah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia (Pusat Penyelidikan Islam 1996). Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri yang digubal sekitar tahun 80-90an turut mendefinisikan hukum syarak dengan memasukkan mazhab Zaydiyyah dan Ja'fariyyah sebagai mazhab yang diterima (Sek. 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 1983). Di samping itu, penganut Syiah di Malaysia juga mengeksploitasi Risalah Amman 2005 yang didakwa mengakui Syiah sebagai sebuah mazhab yang sah (Mohd Haidar 2011). Semua fakta ini menjadi hujah bagi penganut Syiah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah di Malaysia mengembangkan ajaran mereka.
8. Mengeksploitasi perjuangan isu Palestin dan al-Quds.
Khomeini menggagaskan sambutan Hari al-Quds Sedunia pada setiap hari Jumaat terakhir pada bulan Ramadan, beberapa bulan setelah kemenangan Revolusi Iran pada tahun 1979 (Wiki Syiah t.th). Walhal umat Islam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah sekian lama sebelum Revolusi Iran menyambut Hari al-Quds Sedunia pada 21 Ogos setiap tahun (Nasrullah 1972). Justeru, tiada keperluan untuk mengadakan sambutan Hari al-Quds Sedunia yang berasingan dengan apa yang telah disambut oleh umat Islam sejak peristiwa 1969. Namun begitu, ia disambut bagi mengenengahkan tokoh-tokoh ulama Syiah di samping meraih sokongan politik, moral dan emosi umat Islam terhadap Syiah. Seksyen Akidah (2011) melaporkan penganut Syiah Melayu mengambil kesempatan terhadap isu Palestin dengan mengadakan program-program ilmiah seperti Seminar Isu Antarabangsa Bantahan Pendudukan 60 Tahun Israel di Bumi Palestin yang dilangsungkan di Kota Bharu, Kelantan pada 2008. Bagaimanapun, para peserta

yang hadir mendapati majlis itu diadakan untuk mempromosi ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dan mentohmah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah. Dalam majlis tersebut juga, mereka mengedarkan secara percuma kepada orang ramai sebuah buku propaganda Syiah berjudul *Akhirnya Ku Temui Kebenaran*.

9. Menggunakan saluran hak asasi manusia.

Setelah dikenakan beberapa sekatan dan tangkapan daripada pihak berkuasa agama di Malaysia, penganut Syiah di negara ini didapati mengambil tindakan lanjut menerusi saluran HAM. Pada 2010, penganut Syiah mengemukakan memorandum bantahan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) untuk menyatakan bantahan terhadap penangkapan 200 orang penganut Syiah oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (Seksyen Akidah 2011). Pada 2011, penganut Syiah atas nama “Majlis Syiah Malaysia” menghantar memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri Malaysia, merayu supaya warta pengharaman Syiah dan kesesatan Syiah dikaji semula dan dimansuhkan di peringkat negeri dan kebangsaan (Seksyen Akidah 2012). Selain itu, sebagai mengukuhkan lagi kedudukan mereka dari sudut perundangan, seramai 141 orang penganut Syiah Melayu telah menghantar deklarasi dan surat akuan berkanun yang mengandungi perakuan sebagai penganut Mazhab Imamiyah Ja‘fari (Seksyen Akidah 2013). Langkah ini menunjukkan, penganut Syiah telah menggunakan seluruh medium perundangan yang ada untuk mempertahankan ajaran mereka atas nama hak asasi manusia sekaligus menyumbang kepada penyebaran ajaran Syiah dengan lebih bebas tanpa sebarang gangguan daripada pihak berkuasa.

KESIMPULAN

Syiah atau secara khususnya aliran Syiah Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah hanya tersebar di Malaysia selepas era Revolusi Iran 1979. Penyebaran ajaran ini berasaskan beberapa medium utama seperti menerusi parti politik tertentu yang terpengaruh pada awalnya dengan pendekatan Iran menjatuhkan sistem sekular dan membangunkan pemerintahan Islam, penyebaran beberapa karya mengenai Syiah dan Revolusi Iran, peranan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam, peranan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan, penghantaran para pelajar ke Iran, perkahwinan mut‘ah dan fatwa menarik mengenai seks, mendakwa Syiah sebagai sebuah mazhab Islam yang sah, mengeksploitasi perjuangan isu Palestin dan al-Quds dan menggunakan saluran hak asasi manusia.

Golongan Syiah di Malaysia telah memasuki fasa baharu dalam menyebarkan ajaran mereka ke tengah-tengah masyarakat awam Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah.

Ini memandangkan, pada peringkat awal penyebaran Syiah pada tahun 80-an dan 90-an, tidak berlaku sebarang bentuk pendakwaan Syiah secara terbuka, walau bagaimanapun pada tahun 2011, umat Islam digemparkan dengan penyebaran bahan-bahan bercetak berisi ajaran Syiah yang disebar kepada umum secara percuma. Justeru, pihak kerajaan menerusi beberapa agensi agama dan penguatkuasaan telah menjalankan pelbagai tindakan sama ada berbentuk penjelasan fatwa mahupun tindakan undang-undang terhadap sebarang aktiviti Syiah dengan harapan penyebaran Syiah dapat disekat di negara ini daripada semakin berleluasa. Namun begitu, kajian ilmiah perlu dilakukan terhadap bahan-bahan propaganda yang diedarkan oleh Syiah bagi mengetahui hujah yang digunakan dan pertentangannya dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

RUJUKAN

- Ali, Asghar. 2008. *Islam in Post-Modern World*. Delhi: Hope India Publications.
- al-Amini, Ibrahim. 1993. *Peranan Universiti Mengikut Pandangan Imam Khomeini*. Terj. Mohd Nor bin Ngah. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publication.
- al-Antaki, Muhammad Mara'i al-Amin. 1993. *Mengapa Aku Memilih Ahlul Bait A.S*. Terj. Lutpi Ibrahim. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publications.
- al-Ashī, Muḥammad Zayn Faqīh Jalāl al-Dīn. t.th. *Bidāyah al-Hidāyah*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.
- Baqir Sadr. 1983. *Pancaran Kekuatan Negara Islam*. Terj. Fadzlullah Shuib. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication.
- al-Betawī, 'Uthman bin Yaḥyā. t.th. *Ini Kitab Sifat Dua Puluh*. Pulau Pinang: Dar al-Ma'arif.
- Bukhārī al-Jawharī. 1966. *Tāj al-Salāṭīn*. Terj. Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Mat Che Min. 1994. Gerakan Syiah dan Pengaruhnya di Malaysia. Koleksi kertas kerja Seminar Akidah MABIMS 1413H/1993M: Ajaran Sesat: Kemunculan, Bahayanya, Pemulihannya, 98. Brunei: Kementerian Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Darussalam.
- Ermanelly Idrus & Heriza Mohd Yunus. 1996. Eksklusif: Pengakuan mangsa mut'ah. *Majalah Dakwah. Bil. 228*. Mei. Kuala Lumpur.
- Faisal Tehrani. 2012. *Perempuan Nan Bercinta*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Bhd.

Gorman, Danial. 2012. *The Emergence of International Society in The 1920s*. New York: Cambridge University Press.

Harakah, 27 November 1987.

al-Hulli, al-Hasan bin Yūsuf al-Mutahhar. 1993. *Minhaj Kebenaran dan Penedahannya: Fiqh Lima Mazhab di antara Nas dan Ijtihad*. Terj. Lutpi Ibrahim. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publications.

Hurgronje, Snouck. 1970. *Mekka in the Letter Part of the 19th Century*. Leiden: E.J. Brill.

Idris Awang. 2001. *Kaedah Penyelidikan, Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia dan Publications.

Imam Barnadib. 1982. *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP.

al-Jahiz, Amr Bahr. 1991. *100 Kata-kata Hikmah al-Imam Ali bin Abi Talib*. Terj. Mohd Nor Ngah. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Wilayah.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2010. *Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Khomeini, Ruhullah Mustafa. 1970. *Al-Hukūmah al-Islamiyyah*. t.tp: t.pt.

Khomeini, Ruhullah Mustafa. 1983. *Pemerintahan Islam*. Terj. Razali Hj. Nawawi & Hayyun Hj. Nawawi. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Khomeini, Ruhullah Mustafa. 1983a. *Parti Allah, Parti Syaïtan*. Terj. Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication.

Khomeini, Ruhullah Mustafa. 1983b. *Jihad yang Agung*. Terj. Fadzlullah Shuib. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication.

Khomeini, Ruhullah Mustafa. 1993. *Kitab Amar Ma'ruf dan Nahi Munkar*. Terj. Mohd Nor Ngah. Kuala Lumpur: Al-Wahdah Publication.

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1998/1999.

Laporan Tahunan PAS Pusat Sesi 1995/1996.

Liow, Joseph Chinyong. 2009. *Piety and Politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. New York: Oxford University Press.

- Lutpi Ibrahim. 1993. *Konsep Imamah dan Khilafah serta Implikasinya Menurut Ahlus Sunnah wal-Jamaah*. Shah Alam: HIZBI.
- M.Cherry, Stephen & Helen Rose Ebaugh. 2014. *Global Religious Movements Across Borders*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Mohamed Nawab Mohamed Osman. 2006. *Religio-political activism of ulama in Malaysia*. Tesis Sarjana, Department of History, National University of Singapore.
- Mohd Haidar Mohd Hashim. 2011. *Rayuan Rakyat Malaysia Bermazhab Syiah agar Fatwa dan Pewartaan Pengharaman dan Kesesatan Syiah Dikaji Semula dan Dimansuhkan sama ada di peringkat Negeri dan Kebangsaan*. Memorandum Majlis Syiah Malaysia kepada Yang Dipertuan Agong.
- Mohd Nor Ngah. 1983. *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- M. Muller, Dominik. 2014. *Islam, Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS*. New York: Routledge.
- Mu'assasah al-Balagh. 1989. *Ahl al-Bayt dalam al-Quran dan al-Sunnah*. Terj. Mahfodz Mohamed. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- al-Musawi, 'Abd al-Husayn Sharaf al-Din. 1983. *Dialog Sunnah Syiah*. Bandung: Penerbit Indonesia.
- Mutahhari, Murtada. 1983. *Menghidupkan Pemikiran dalam Islam*. Terj. Fadzlullah Shuib. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication.
- Mutahhari, Murtada. 1983a. *Sistem Republik Islam*. Terj. Abdul Rahman Hamid. Kuala Lumpur: Islamic Media & Communication.
- al-Nadwah al-'Ālamiyyah li al-Shabāb al-Islamī. 1420H. *Al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyān wa al-Madhāhib al-Mu'āṣirah*. Vol.1. Riyāḍ: Dār al-Nadwah al-'Ālamiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Nasrullah, Jorj Khawri. 1972. *Al-Wathā'iq al-Falīṣṭīniyyah li 'Am 1970*. Beirut: Mu'assasah al-Dirāsāt al-Falīṣṭīniyyah.
- Nik Abdul Aziz Nik Hassan. 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Omar Awang. 1972. The Umm al-Barahin of al-Sanusi. *Jurnal Nusantara* 2 (Julai): 157-158.

- Persatuan Ulama Malaysia. 1990. *Perlembagaan Republik Islam Iran*. Kuala Lumpur: Kedutaan Republik Islam Iran.
- Pusat Penyelidikan Islam. 1995. Gerakan Syiah dan pengaruhnya di Malaysia. Kertas laporan untuk Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Pusat Penyelidikan Islam. 1996. *Ke Arah Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia*. Kertas dibentangkan untuk Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- al-Samawi, Muhammad al-Tijani. 1991. *Akhirnya...Kutemukan Kebenaran*. Terj. Bombay: Najafi House.
- Seksyen Akidah. 2007. Kertas makluman perkembangan terkini isu Syiah di Malaysia. Dilaporkan untuk Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Seksyen Akidah. 2011. Kertas makluman perkembangan terkini isu Syiah di Malaysia. Dilaporkan untuk Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Seksyen Akidah. 2012. Kertas makluman perkembangan terkini isu Syiah di Malaysia. Dilaporkan untuk Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Seksyen Akidah. 2013. Kertas makluman perkembangan terkini isu Syiah di Malaysia. Dilaporkan untuk Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sulaiman Noordin, Mohd Zawawi Abdullah & Mohd Sabri Haron. 1996. Gerakan Syi'ah di Nusantara Kini. Dlm. *Prosiding Seminar Ahl al-Sunnah dan Syi'ah Imamiyyah: Aspek Persamaan dan Perbezaan*, di sunting oleh Muhammad Rivai Batubara. hlm. 168-177. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Naquib al-Attas. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century of the 'Aqa'id of Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya.
- al-Taskhiri, Muhammad Ali. 1993. *Gerakan Kebangkitan Islam Mengikut Pandangan Imam Khomeini (Harakah al-Sahwah al-Islamiyyah)*. Terj. Mohd Nor Ngah. t.tp: Al-Wahdah Publication.

Uthman el-Muhammady. 1995. *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan yang Mengamalkan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jemaah*. Kuala Lumpur: BAHEIS.

Wan Muhd Saghir Abdullah. 1982. *Syeikh Abdus Samad al-Falimbani Sufi yang Syahid fi Sabilillah*. Kalimantan: Yayasan al-Fatanah.

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. 1994. Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash'ari dan Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu. Dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, di sunting oleh Khoo Kay Kim. Kuala Lumpur. Persatuan Sejarah Malaysia.

Wiki Syiah. t.th. Hari al-Quds sedunia. http://id.wikishia.net/view/Hari_Quds_Sedunia [7 Disember 2015].

